

22/08/1998

Gabungan ilmu akhirat, moden kuatkan Islam

KUALA LUMPUR, Jumaat - Islam tidak melarang umatnya mengumpul kekuatan dalam pelbagai aspek termasuk persediaan senjata moden bagi menangkis prasangka buruk ditaburkan musuhnya.

Sheikh Al-Azhar, Dr Muhammad Sayyed Tantawi, berkata pengadunan ilmu akhirat dan moden mampu menambah kekuatan umat Islam.

"Islam adalah agama yang penuh kasih sayang dan kelembutan, tetapi kita perlu sentiasa bersedia dengan mengikuti perkembangan semasa termasuk membina kekuatan melalui akidah, ilmu, ekonomi dan teknologi untuk melawan anasir yang boleh memusnahkan Islam," katanya ketika berdialog dengan pelajar Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di sini, hari ini.

Turut hadir Rektor UIA, Datuk Abdul Hamid Abu Sulayman dan Timbalannya, Dr Sidek Baba.

Dr Muhammad yang dalam rangka lawatan empat hari atas undangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, diiringi Timbalan Menteri Institut Al Azhar, Sheikh Ali Muhammad Fathalla; Duta Mesir ke Malaysia, Ali El-Naggary dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Fauzi Abdul Rahman.

Pada majlis yang sama, Dr Muhammad menerima Anugerah Presiden UIA Malaysia kerana sumbangannya ke arah kesedaran dan pembangunan ummah.

Beliau adalah penerima ketiga sijil penghargaan dan wang tunai RM10,000 itu selepas Allahyarham Sheikh Muhammad Al Ghazali (1995) dan Sheikh Dr Yusuf Abdullah (1996).

Bagaimanapun, beliau menghadiahkan wang tunai itu kepada Tabung Pendidikan UIA.

Dr Muhammad turut menyerahkan beberapa buku hasil tulisannya kepada UIA termasuk Tafsir Wasif dan Banu Israel Dalam al-Quran dan al-Sunnah.

Dalam perkembangan lain, beliau turut memuji falsafah pendidikan dan kurikulum yang dipraktikkan UIA kerana ia mampu menjadi sebuah institusi yang bakal melahirkan insan cemerlang.

Dr Muhammad memetik beberapa potong ayat al-Quran dan hadis sebagai contoh keperluan kekuatan dan toleransi dalam dakwah.

"Islam sentiasa menggalakkan sikap toleransi dalam usaha memperkembangkan ajarannya.

"Umpamanya apabila berurusan dengan bukan Islam, Islam menggariskan tiga panduan yang perlu dilaksanakan.

"Pertama, jika mereka tidak berada satu bumbung dan tidak memusuhi kita maka Islam melarang memerangi mereka.

"Kedua, jika mereka hidup sebumbung tetapi memusuhi kita, Islam memberi kebenaran memerangi mereka dengan syarat sekadar menyedarkan mereka.

"Ketiga, bagi penduduk bukan Islam yang tinggal satu bumbung dan tidak bermusuhan, hak dan tanggungjawab mereka adalah tanggungjawab kita," katanya.

(END)